

NO SOALAN :36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.08.2017

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dilantik menjadi anggota lembaga pengarah kepada lebih 20 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti 1MDB, Petronas, TRX City Sdn. Bhd. dan lain. Apakah jumlah bayaran elaun dan fi kepada KSP yang diterima daripada GLC tersebut pada tahun 2016 dan setengah tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) adalah sebagai wakil kepada pemegang

saham untuk menguruskan syarikat bagi pihaknya. Bagi syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD], pelantikan pegawai Kerajaan sebagai ALP Bukan Bebas Bukan Eksekutif dalam syarikat MKD, antara lain adalah

- i. sebagai wakil pemegang saham;
- ii. menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan dasar-dasar Kerajaan dilaksanakan dalam syarikat tersebut sebagaimana objektif penubuhannya;
- iii. pelantikan sebagai ALP dilaksanakan berdasarkan keperluan yang dinyatakan secara jelas dalam Tatacara dan Tataurusan syarikat (M&A), atau
- iv. pegawai tinggi Kerajaan yang dilantik berdasarkan jawatan seperti yang ditetapkan oleh M&A syarikat.

Tatacara pelantikan Pegawai Kerajaan sebagai ALP dalam syarikat MKD adalah sama sebagaimana proses pelantikan ALP Bebas Bukan Eksekutif yang lain.

Selain itu, keanggotaan Lembaga Pengarah melebihi daripada satu turut diamalkan oleh syarikat swasta. Ini adalah kerana pelantikannya adalah berdasarkan kepakaran individu tersebut.

Pembayaran elaun yang diterima oleh Pegawai Kerajaan adalah sama dengan jumlah yang diterima oleh semua ALP dalam Lembaga Pengarah syarikat dan adalah dalam kadar yang telah diluluskan oleh pemegang saham. Ia adalah setimpal dengan tanggung jawab dan risiko yang digalas sebagai ALP syarikat.